



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

15 JANUARI 2021

1. Mendepani isu kartel daging di Malaysia

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**



Varia

Oleh
DR. WAN MOHD.
FAZRUL AZDI
WAN RAZALI

AGAMA Islam sangat menitikberatkan persoalan halal dan baik (tayyib) dalam perkara-perkara berkaitan kepenggunaan dan muamalah harian umat Islam. Ini termasuklah dalam aspek pemakanan, pakaian, kesihatan, pekerjaan dan hiburan.

Halal bermaksud suatu perkara yang dibenarkan oleh Allah seperti mana yang telah digariskan oleh syarak. Baik pula bermaksud sesuatu yang digunakan yang menepati dengan etika dan nilai-nilai murni ajaran Islam.

Dalam surah al-Baqarah, ayat 168-169, Allah berfirman yang maksudnya: "Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu. (168) Ia hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan dan perkara-perkara yang keji dan (menyuruh) supaya kamu berkata (dusta) terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui (salah benarnya). (169)"

Apa yang dapat diiktirabkan daripada ayat di atas, Allah memerintahkan semua umat Islam untuk memakan makanan yang halal dan baik sahaja.

Hal ini kerana, syaitanlah yang mengajak umat manusia ke arah memakan makanan yang haram, melakukan perbuatan jahat, keji dan berdusta kepada Allah.

Isu kartel daging

Pada awal Disember 2020, umat Islam di Malaysia dikejutkan dengan isu kartel daging yang telah menyeludup daging daripada luar negara dan memalsukan penggunaan cop halal ke atas kotak bungkusan untuk jualan dalam negara.

Perkara ini bukan sahaja telah mencetuskan kekeliruan dalam kalangan pengguna Muslim, malah telah menimbulkan rasa gusar dan marah atas jenayah besar ini.

Pelbagai pihak telah menyuarakan pandangan dan meluahkan kekecewaan mereka dengan isu yang melanda umat Islam ini.

Kedua ini telah diburukkan lagi apabila terdapat segelintir netizen dan pengguna media sosial yang membuat pelbagai tuduhan dan spekulasi negatif.

Ada yang membokot daripada menggunakan mana-mana daging import dalam masakan dan makanan. Ada pula yang sewenang-wenangnya menyalahkan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Agama Islam Negeri kerana dikatakan cuai dalam soal penguatkuasaan dan kawalan.

Dalam hal ini, Allah mengajar umat Islam supaya lebih berhemah dalam berkomunikasi dengan manusia lain.

Dalam surah al-Asr, Allah mengajarkan pedoman berdakwah yang paling ringkas dan mudah. Malah,

Mendepani isu kartel daging di Malaysia



ISU kartel daging baru-baru ini menjadi kekusaran umat Islam di negara ini hingga ada yang membuat laporan kepada Suruhjanya Pencegahan Rasuah Malaysia. - GAMBAR HIASAN

pedoman yang sama ini juga dapat digunakan sebagai adab berkomunikasi dan bermuamalah dalam media sosial.

Firman Allah berkamsud: "Demi Masa. (1) Sesungguhnya manusia dalam kerugian. (2) Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar." (Surah al-Asr, ayat 1 hingga 3).

Sudah tiba masanya bagi umat Islam bersikap lebih matang dan bijak berdepan dengan isu melibatkan agama dan maruah umat Islam.

Sikap menuding jari, mencaci maki, menabur fitnah dan menghalang segala kebaikan hanya akan merugikan umat Islam dan menggelapkan peluang

dakwah di Malaysia.

Dalam tafsiran surah al-Asr ini, dinyatakan bahawa sudah menjadi tabiat bangsa Arab Jahiliyah suka berbicara mengenai kehidupan dunia dan urusan harian pada waktu petang.

Perbicaraan ini selalunya membawa kepada membuang masa, caci maki, pergaduhan dan akhirnya mereka mencela pula waktu petang.

Hakikatnya, manusialah yang selalu rugi jika masanya tidak digunakan dengan baik. Tidak dimanfaatkan masa ini dengan keimanan dan amal soleh. Orang-orang yang beriman dan beramal soleh akan sentiasa berpesan-pesan dengan kebenaran dan dengan kesabaran.

UMAT Islam di negara ini sememangnya amat prihatin dengan isu makanan halal. - GAMBAR HIASAN

Pelbagai pihak telah menyuarakan pandangan dan meluahkan kekecewaan mereka dengan isu yang melanda umat Islam ini. Keadaan ini telah diburukkan lagi apabila terdapat segelintir netizen dan pengguna media sosial yang membuat pelbagai tuduhan dan spekulasi negatif."

Sudah tiba masanya untuk umat Islam mengukuhkan perpaduan dengan saling menyokong produk muamalat dan servis halal yang terdapat dalam negara.

Pergantungan kepada produk dan servis daripada luar negara agak sukar hendak dipantau dan dikawal kualitinya.

Umat Islam dapat menggunakan segala teknologi untuk mengembangkan lagi potensi syarikat tempatan dalam memenuhi keperluan pengguna di Malaysia.

Saling berpesan dengan kebenaran dan kesabaran bagi mengembangkan lagi ekonomi halal tempatan yang akhirnya dapat memberikan peluang pekerjaan kepada lebih ramai orang.

Surah Al-Asr ini sangat elok diteladani bukan hanya dijadikan zikir dan tabarik selepas tasbeih kafarah malis. Seperti kata Imam al-Shafi'i: "Kalau semua orang sudi merenungkan maksud surah ini, sudah cukuplah itu baginya (kerana manfaatnya yang sangat besar)."

DR. WAN MOHD. FAZRUL AZDI WAN RAZALI ialah Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia